



SYARAT BANTUAN KOMPUTER RIBA MAHASISWA ANAK NEGERI SEMBILAN 2026

1. Pemohon atau Ahli Keluarga tidak pernah menerima Bantuan Komputer Riba Yayasan Negeri Sembilan.

2. Pemohon kelahiran di Negeri Sembilan (05/59/31)

DAN

3. Alamat menetap pemohon wajib di Negeri Sembilan (berdasarkan paparan kad pengenalan yang dikemukakan)

ATAU

4. Sekiranya **Bukan kelahiran Negeri Sembilan** tetapi telah menetap dan bersekolah di Negeri Sembilan sekurang-kurangnya 6 tahun (*Sila kemukakan sijil tamat berhenti Sekolah Rendah dan Menengah*).

DAN

5. Hanya layak kepada pemohon **Institusi Pengajian Tinggi Awam (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) dan Institut Tahfiz Al-Quran (ITQAN) SEPENUH MASA.**

DAN

6. Pelajar tahun akhir (**TIDAK LAYAK**) untuk memohon (sila kemukakan surat pengesahan belajar)
CONTOH: Tahun pengajian 3 tahun (Semester 5 dan 6 adalah semester akhir dan tidak layak)

DAN

7. Sekiranya terdapat (2) dua pemohon atau lebih dalam satu keluarga, hanya (**SATU PEMOHON**) sahaja yang layak menerima bantuan ini.

DAN

8. Ibu bapa yang menerima **Sumbangan Tunai Rahmah (MYSTR)** layak memohon Bantuan Komputer Riba dengan (pendapatan isi rumah ibu dan bapa atau penjaga tidak melebihi **RM5,000** kategori golongan B40).
9. Borang YNS 1/B Borang Pengesahan Pemastautin Negeri Sembilan perlu disahkan oleh Adun, Penghulu, Ketua Kampung, Pengerusi jkkk, Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/Taman Perumahan.
10. Borang Pengesahan Belajar Borang YNS 2/A terkini -muat turun borang dilaman wb YNS - untuk disahkan oleh pihak Universiti / Politeknik .(*WAJIB*)